

15/08/2003

Negara membangun buat pendirian isu globalisasi

Mahfar Ali

EZULWINI (SWAZILAND): Ketua kerajaan dan pemimpin 16 negara yang menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 di sini, bersetuju mengeluarkan satu kenyataan khusus bagi menyatukan pendirian negara membangun berhubung isu perdagangan dan globalisasi.

Kenyataan Ezulwini itu akan dikemukakan pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico, bulan depan.

Perkara itu diumumkan Raja Swaziland, Raja Mswati III, pada majlis jamuan bagi meraikan ketua negara serta perwakilan SAID-Global 2003, malam kelmarin.

Hadir sama, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selain Dr Mahathir dan Raja Mswati III, ketua kerajaan lain yang menghadiri dialog itu ialah Presiden Namibia, Dr Sam Nujumo; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, Presiden Botswana Festus G Mogae; Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano dan Presiden Ghana John A Kufour.

Pada sesi taklimat pagi semalam, ketua negara dan kerajaan juga sudah bersetuju dengan draf kenyataan itu, tetapi beberapa pindaan akan dibuat bagi memasukkan input baru sebelum ia dikeluarkan esok.

Sekretariat Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang berpusat di London, terbabit dalam merangka draf kenyataan itu.

Pengerusi CPTM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, yang ditemui pemberita selepas sesi pagi semalam, berkata Dr Mahathir sudah melihat draf kenyataan itu dan berpuas hati dengan kandungannya.

"Ini peluang yang baik negara membangun menyuarakan pandangan masing-masing mengenai isu ini. Jika mereka menyuarakannya bersama, ia akan menjadi lebih kuat," katanya.

Difahamkan, inisiatif itu digerakkan berikutan kebimbangan kemungkinan mesyuarat WTO selama empat hari bermula 10 September ini, dipengaruhi kuasa besar bagi menggagalkan beberapa keputusan berkaitan isu yang membabitkan negara membangun terutama di benua Afrika.

Menurut laporan, Amerika Syarikat dan Eropah telah pun mengambil pendirian tegas terhadap beberapa isu yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk pengeluaran ubat-ubatan murah bagi membanteras HIV-AIDS di Afrika.

Amerika dan Eropah pada mesyuarat peringkat menteri WTO di Doha sebelum ini, bersetuju membenarkan negara Afrika menghasilkan ubat-ubatan yang amat diperlukan itu, tetapi mengubah pendirian setelah menerima tekanan pelobi farmaseutikal yang begitu berpengaruh.

Kini, kuasa besar itu mendesak Afrika dan negara membangun membeli ubat-ubatan yang lebih mahal, yang tidak mungkin mampu dipenuhi penduduk Afrika yang amat miskin.

Dalam sektor pertanian pula, Amerika dan Eropah menambah jumlah subsidi kepada petani mereka hingga menyukarkan petani Afrika bersaing secara adil dengan produk yang dikeluarkan kuasa besar itu.

Raja Mswati dalam ucapannya, tidak menjelaskan kandungan kenyataan yang akan dikemukakan pada mesyuarat WTO itu, tetapi berkata kejayaan dialog berkenaan bergantung besar kepada input dan sumbangan fikiran semua perwakilan.

"Saya berharap semua perwakilan menggunakan sepenuhnya pengalaman dan pengetahuan masing-masing supaya dapat memberi sumbangan bermakna untuk memajukan negara kita semua," katanya pada majlis yang turut dimeriahkan

dengan persembahan tarian tradisional Swaziland dan pertunjukan bunga api.

Lebih 600 perwakilan termasuk pemimpin dan pegawai kerajaan dan ahli perniagaan dari lebih 16 negara menyertai dialog lima hari itu, yang berlangsung di kawasan peranginan `lembah syurga', kira-kira 14 kilometer dari Mbabane - ibu negara Swaziland.